



e-ISSN: 2600-9617

Available online at  
<https://journal.uitm.edu.my/ojs/index.php/e-JITU/index>

E-Journal of Islamic Thought & Understanding 9(1) 2026, 13-28

**E-Journal of Islamic  
Thought &  
Understanding  
(E-JITU)**

# The Impact of Mentoring Implementation in the Teaching of Hifz al-Qur'an in Malaysian Tahfiz Institutions: A Preliminary Review

## Impak Pelaksanaan Pementoran Dalam Pengajaran Hifz al-Quran Maahad Tahfiz Di Malaysia: Suatu Sorotan Awal

Mohd Jamalil Ismail<sup>1</sup>, Harun Baharudin<sup>2</sup>, Shahlan Surat<sup>3</sup>, Mohammad Fahmi  
Abdul Hamid<sup>4</sup>, Muaz Mohd Noor<sup>5</sup>

<sup>1</sup>Pelajar PhD. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>2,3</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>4,5</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka.

---

### ARTICLE INFO

#### Article history:

Received 06 Mac 2026

Revised 11 Mac 2026

Accepted 17 Mac 2026

Published 01 Apr 2026

---

#### Keywords:

*Hifz al-Qur'an mentoring*

*Talaqqi and Musyafahah*

*Tahfiz education*

*Digital learning*

*Student development*

#### DOI:

<https://doi.org/10.24191/ytbnxm75>

---

### ABSTRACT

*This study examines the impact of mentoring implementation in hifz al-Qur'an instruction at tahfiz institutions in Malaysia, with particular emphasis on student development and the challenges of its implementation within the contemporary educational context. Although mentoring has been widely discussed in mainstream education, scholarly attention to mentoring practices grounded in talaqqi and musyafahah within Malaysian tahfiz institutions remains limited and has yet to be conceptualised as a structured pedagogical framework. This study adopts a conceptual literature review design using a qualitative approach through thematic document and content analysis of journal articles, theses, research reports, and scholarly works related to tahfiz education and mentoring. The synthesis of findings indicates that mentoring contributes to enhanced student motivation and self-confidence, strengthened memorisation quality, character development, reduced learning-related stress, and the cultivation of social and leadership skills. Nevertheless, its implementation faces several challenges, including limited teachers' digital pedagogical competence,*

---

*disparities in technological access, and constraints in adapting traditional instructional approaches to online learning environments. This review reorganises the Malaysian tahfiz mentoring literature into thematic dimensions of impact and challenges that may serve as a conceptual foundation for future model development and empirical research. Accordingly, the study underscores the need to strengthen a systematic, principled, and adaptive tahfiz mentoring model by tahfiz institutions and Islamic education policymakers to ensure the sustained effectiveness and long-term sustainability of hifz al-Qur'an instruction within the digital educational ecosystem.*

---

## ABSTRAK

---

*Kajian ini meneliti impak pelaksanaan pementoran dalam pengajaran hifz al-Quran di maahad tahfiz di Malaysia dengan memberi tumpuan kepada pembangunan pelajar serta cabaran pelaksanaannya dalam konteks pendidikan semasa. Walaupun konsep mentoring telah dibincangkan secara meluas dalam pendidikan arus perdana, penelitian khusus terhadap amalan pementoran berteraskan talaqqi dan musyafahah dalam institusi maahad tahfiz di Malaysia masih terhad dan belum dihuraikan secara konseptual sebagai satu kerangka pedagogi yang tersusun. Kajian ini berbentuk sorotan literatur konseptual dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen dan kandungan secara tematik terhadap artikel jurnal, tesis, laporan penyelidikan dan karya ilmiah berkaitan pendidikan tahfiz dan mentoring. Dapatan sintesis menunjukkan bahawa pementoran menyumbang kepada peningkatan motivasi dan keyakinan diri pelajar, pengukuhan hafazan, pembentukan sahsiah, pengurangan tekanan pembelajaran serta pembangunan kemahiran sosial dan kepimpinan. Namun demikian, pelaksanaannya turut berhadapan cabaran termasuk kekangan kompetensi pedagogi digital guru, jurang akses teknologi serta keterbatasan adaptasi pendekatan tradisional dalam persekitaran pembelajaran maya. Sorotan ini menyusun semula literatur pementoran tahfiz dalam konteks Malaysia kepada kerangka tema impak dan cabaran yang dapat berfungsi sebagai asas konseptual bagi pembinaan model serta kajian empirikal lanjutan. Sehubungan itu, kajian ini menegaskan keperluan memperkukuh model pementoran tahfiz yang sistematik, berprinsip dan adaptif oleh institusi tahfiz serta pembuat dasar pendidikan Islam bagi memastikan keberkesanan pengajaran hifz al-Quran secara berterusan dan mampan dalam ekosistem pendidikan digital.*

---

## 1. PENGENALAN

Mentoring semakin diiktiraf sebagai satu strategi pembangunan pelajar yang signifikan dalam pelbagai sistem pendidikan, termasuk pendidikan Islam. Dalam konteks pengajaran hifz al-Quran di maahad tahfiz, peranan guru bukan sekadar sebagai penyampai ilmu, tetapi sebagai pembimbing yang membentuk disiplin hafazan, ketahanan emosi dan sahsiah pelajar. Tradisi pendidikan Islam sejak awal

telah menekankan hubungan guru-murid yang rapat melalui pendekatan seperti halaqah dan usrah, yang memperlihatkan unsur mentoring dalam bentuk tersendiri (Al-Banna, 1978). Dalam wacana pendidikan kontemporari pula, mentoring diiktiraf sebagai mekanisme penting dalam meningkatkan motivasi, pencapaian akademik dan pembangunan personaliti pelajar (Rinfret et al., 2023).

Namun demikian, dalam landskap pendidikan tahfiz di Malaysia, perbincangan tentang mentoring sering tertumpu kepada aspek hubungan interpersonal atau teknik hafalan semata-mata, tanpa menilai secara sistematik kedudukannya sebagai ekosistem sokongan holistik dalam proses hizf al-Quran. Walaupun pelbagai kajian telah membincangkan keberkesanan hafazan dan pedagogi tahfiz, analisis khusus terhadap impak pelaksanaan pementoran sebagai satu struktur bimbingan yang terancang dan bersepadu masih terhad. Keadaan ini menimbulkan persoalan tentang sejauh mana pementoran berfungsi sebagai komponen strategik dalam pembangunan pelajar tahfiz secara menyeluruh.

Tambahan pula, perubahan ekosistem pembelajaran akibat perkembangan teknologi digital telah mencabar pendekatan tradisional seperti talaqqi dan musyafahah. Adaptasi terhadap pembelajaran digital menimbulkan persoalan tentang bagaimana hubungan mentoring tradisional dapat dikekalkan keberkesannya dalam persekitaran baharu ini. Walau bagaimanapun, kajian yang menghubungkan tradisi mentoring Islam dengan tuntutan adaptasi digital dalam pendidikan tahfiz masih belum dikembangkan secara konseptual dan sistematik. Jurang ini memperlihatkan keperluan kepada satu analisis yang lebih terfokus bagi menjelaskan kedudukan pementoran dalam pendidikan tahfiz kontemporari di Malaysia.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mensintesis dapatan literatur sedia ada bagi mengenal pasti impak utama pelaksanaan pementoran terhadap pembangunan pelajar tahfiz serta menilai cabaran pelaksanaannya dalam konteks perubahan ekosistem pembelajaran semasa. Kajian ini berbentuk sorotan literatur konseptual awal yang berusaha membina asas analisis bagi penyelidikan lanjut dalam bidang pementoran tahfiz. Dengan memberi tumpuan kepada dimensi pembangunan pelajar dan dinamika perubahan persekitaran pembelajaran, kajian ini berusaha memperjelas kedudukan pementoran sebagai komponen strategik dalam pengajaran hizf al-Quran di maahad tahfiz di Malaysia.

## **2. SOROTAN LITERATUR**

### **2.1 Konsep Pementoran dalam Perspektif Pendidikan**

Pementoran merujuk kepada satu hubungan yang terancang dan berterusan antara individu yang lebih berpengalaman dengan individu yang sedang melalui proses pembangunan diri bagi tujuan peningkatan kemahiran dan kecemerlangan. Glenn Martin (2006) mentakrifkan mentoring sebagai satu perhubungan di mana pembimbing memberi sokongan sistematik untuk membangunkan kemahiran serta meningkatkan kecemerlangan seseorang. Takrifan ini menekankan bahawa pementoran bukan sekadar interaksi tidak formal, tetapi satu proses pembangunan yang mempunyai struktur, tujuan dan hala tuju yang jelas.

Dalam konteks pendidikan tinggi, sistem mentoring diiktiraf sebagai pendekatan yang berkesan dalam melahirkan pelajar yang cemerlang bukan sahaja dari aspek akademik, malah dari segi sahsiah dan kestabilan emosi (Zaiton Hassan et al., 2003). Literatur menunjukkan bahawa keberkesanan pementoran bergantung kepada kejelasan peranan mentor, konsistensi interaksi, serta penggunaan strategi yang sesuai

seperti perbincangan kumpulan kecil atau besar, aktiviti main peranan, permainan pendidikan dan aktiviti luar bilik kuliah yang dirancang secara sistematik. Pendekatan ini memperlihatkan bahawa pementoran memerlukan perancangan dan pemantauan berterusan agar pembangunan mentee berlaku secara progresif.

Selain aspek kemahiran, pementoran juga memudahkan pembangunan peribadi melalui bimbingan menghadapi cabaran pembelajaran serta pengukuhan motivasi dalaman. Hubungan interpersonal yang berasaskan kepercayaan dan komunikasi terbuka membolehkan mentee memperoleh sokongan emosi dan maklum balas yang membina. Dalam konteks ini, pementoran boleh difahami sebagai satu bentuk pedagogi berasaskan hubungan (*relationship-based pedagogy*) yang berfungsi sebagai jambatan antara penguasaan kognitif dan pembentukan afektif pelajar. Berbanding pengajaran konvensional yang lebih menekankan penyampaian kandungan, pementoran menuntut kesinambungan interaksi dan pemantauan perkembangan secara berfasa, sekali gus menjadikannya pendekatan yang lebih holistik dalam pembangunan pelajar.

## **2.2 Tradisi Bimbingan dalam Pendidikan Islam dan Tahfiz**

Dalam tradisi pendidikan Islam, hubungan guru dan murid merupakan asas pembinaan ilmu dan adab. Sistem halaqah dan usrah memperlihatkan struktur pendidikan yang berasaskan interaksi bersemuka, pembinaan nilai dan pemantauan berterusan. Pementoran Islamik yang berasaskan nilai spiritual terbukti memberi kesan signifikan terhadap perkembangan personaliti dan komitmen pelajar terhadap pembelajaran agama (Ismail, 2023). Hal ini menunjukkan bahawa konsep pementoran mempunyai keserasian dengan kerangka tarbiah Islam yang menekankan pembentukan sahsiah secara menyeluruh.

Dalam pendidikan tahfiz, hubungan mentor–mentee memainkan peranan penting dalam memastikan pelajar bukan sahaja menguasai hafalan al-Quran, tetapi turut membina disiplin diri dan akhlak yang baik (Azman Ismail et al., 2010). Guru di maahad tahfiz bukan sekadar penyampai ilmu, bahkan bertindak sebagai pembimbing yang memantau perkembangan hafalan, memberi sokongan emosi serta membantu pelajar mengatasi cabaran pembelajaran.

Kaedah talaqqi dan musyafahah merupakan manifestasi paling jelas hubungan bimbingan ini. Melalui talaqqi, pelajar menerima bacaan secara langsung daripada guru, manakala musyafahah memastikan ketepatan sebutan dan kesinambungan hafalan melalui pembetulan bersemuka (Abu Al-Fida', 2008). Struktur ini menunjukkan bahawa pendidikan tahfiz secara tradisinya telah mengandungi elemen mentoring yang kuat melalui interaksi intensif dan pemantauan berterusan. Di samping itu, komunikasi terbuka antara guru dan pelajar membantu membina keyakinan diri serta meningkatkan motivasi pelajar dalam menghadapi cabaran hafazan (Murphey et al., 2001).

Namun demikian, perbezaan utama antara pementoran dalam kerangka pendidikan moden dan tradisi tahfiz terletak pada orientasi nilai dan tujuan pendidikan. Jika mentoring moden sering berfokus kepada pencapaian prestasi atau pembangunan profesional, tradisi bimbingan dalam tahfiz lebih menekankan integrasi antara hafazan, adab dan pembentukan akhlak. Perbandingan ini menunjukkan bahawa pementoran dalam pendidikan tahfiz mempunyai dimensi yang lebih menyeluruh dan tidak terhad kepada pencapaian akademik semata-mata.

Walaupun elemen bimbingan ini telah lama menjadi sebahagian daripada sistem tahfiz, literatur akademik masih kurang mengkonseptualisasikannya sebagai satu struktur pelaksanaan yang tersusun dan boleh dianalisis secara sistematik. Kebanyakan perbincangan tertumpu kepada keberkesanan kaedah atau pencapaian pelajar, tanpa menilai secara mendalam dimensi pelaksanaan pementoran sebagai pendekatan pendidikan yang bersepadu.

### 2.3 Kedudukan Pementoran dalam Pendidikan Tahfiz Kontemporari

Dalam konteks pendidikan tahfiz di Malaysia, kajian terdahulu banyak memberi penekanan kepada teknik hafalan dan pencapaian pelajar. Mohd Jamalil (2016) melaporkan bahawa program mentoring di Maahad Tahfiz Negeri Pahang (MTNP) membantu meningkatkan motivasi pelajar serta keberkesanan hafalan mereka. Kejayaan tersebut dikaitkan dengan kaedah bimbingan yang sistematik seperti pengulangan hafalan, pembentangan hafalan di hadapan guru dan penilaian berterusan. Pendekatan latihan tubi turut dikenal pasti sebagai faktor penting dalam memastikan hafalan kekal dalam memori jangka panjang (Al-Qabisi, 1955).

Walau bagaimanapun, kebanyakan perbincangan tersebut menekankan hasil atau pencapaian tanpa membangunkan analisis tentang struktur pelaksanaan pementoran itu sendiri, termasuk peranan mentor, strategi pemantauan, dan mekanisme sokongan institusi. Wacana sedia ada cenderung berada pada tahap amalan (*practice-based discourse*) dan belum sepenuhnya berkembang sebagai kerangka analitik yang sistematik.

Dalam konteks Malaysia, kepelbagaian model maahad tahfiz sama ada di bawah pentadbiran negeri, swasta atau persendirian turut mempengaruhi bentuk dan tahap pelaksanaan pementoran. Variasi ini menunjukkan bahawa analisis tentang pementoran tidak boleh dilihat secara homogen, sebaliknya memerlukan pendekatan sintesis yang mengambil kira perbezaan struktur dan sokongan institusi. Tambahan pula, perubahan ekosistem pembelajaran akibat perkembangan teknologi digital menimbulkan cabaran baharu terhadap pendekatan tradisional berasaskan interaksi bersemuka. Walaupun pendidikan tahfiz berakar pada tradisi talaqqi dan musyafahah, tuntutan pendidikan semasa memerlukan penilaian semula tentang bagaimana pendekatan bimbingan ini boleh dikekalkan keberkesannya dalam persekitaran yang berubah. Namun, literatur sedia ada masih belum menghuraikan secara menyeluruh hubungan antara tradisi pementoran tahfiz dengan dinamika pendidikan kontemporari.

Secara keseluruhannya, sorotan literatur memperlihatkan bahawa pementoran mempunyai asas teoritikal yang kukuh dalam pendidikan kontemporari dan selari dengan tradisi bimbingan dalam pendidikan Islam, khususnya dalam sistem tahfiz yang menekankan hubungan guru–pelajar yang intensif. Walau bagaimanapun, literatur sedia ada masih cenderung bersifat deskriptif dan tertumpu kepada keberkesanan teknik hafalan atau pencapaian pelajar, tanpa mensintesis pelaksanaan pementoran sebagai satu struktur pedagogi yang terancang dan strategik.

Selain itu, hubungan antara tradisi bimbingan tahfiz dengan tuntutan perubahan ekosistem pembelajaran semasa masih belum dianalisis secara konseptual dan sistematik. Hal ini menunjukkan bahawa analisis tentang impak pelaksanaan pementoran dalam pendidikan tahfiz masih memerlukan sintesis literatur yang lebih terarah dan menyeluruh. Oleh itu, perbincangan tentang pementoran dalam pendidikan tahfiz perlu beralih daripada deskripsi amalan kepada analisis struktur pelaksanaan dan kesesuaiannya dengan dinamika pendidikan semasa. Justeru, terdapat keperluan untuk menghimpunkan dan menilai secara kritikal dapatan terdahulu bagi memahami impak serta cabaran pelaksanaan pementoran dalam pengajaran hifz al-Quran di

maahad tahfiz di Malaysia sebagai satu sorotan literatur awal yang membina asas kepada penyelidikan lanjut.

### **3. METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan reka bentuk sorotan literatur konseptual berasaskan pendekatan kualitatif. Pendekatan ini dipilih kerana objektif kajian adalah untuk mensintesis dan menganalisis secara kritikal dapatan kajian terdahulu berkaitan impak dan cabaran pelaksanaan pementoran dalam pengajaran hifz al-Quran di maahad tahfiz di Malaysia. Dalam tradisi penyelidikan sains sosial, pendekatan kualitatif sesuai digunakan untuk memahami fenomena pendidikan secara mendalam melalui analisis teks dan dokumen (Sugiyono, 2009). Kajian ini tidak melibatkan pengumpulan data lapangan, sebaliknya bergantung sepenuhnya kepada bahan sekunder bagi membina kefahaman analitik tentang kedudukan pementoran dalam pendidikan tahfiz kontemporari. Rujukan kepada Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri (MTQN) digunakan sebagai konteks ilustratif dalam perbincangan berdasarkan laporan dan kajian terdahulu (Mohd Jamalil, 2016), dan bukan sebagai kajian kes empirikal terhadap satu institusi tertentu. Data kajian diperoleh melalui analisis dokumen sekunder yang terdiri daripada artikel jurnal berwasit, tesis sarjana dan kedoktoran, laporan penyelidikan, buku akademik serta karya ilmiah yang berkaitan dengan pendidikan tahfiz dan pementoran.

Skop sorotan ini memfokuskan literatur terpilih dalam julat dua dekad terkini di samping beberapa rujukan klasik berkaitan talaqqi dan musyafahah sebagai asas tradisi. Pemilihan dibuat berdasarkan kesepadanan tema pementoran tahfiz, pembangunan pelajar dan adaptasi digital, manakala bahan yang hanya membincangkan mentoring secara umum tanpa konteks pendidikan Islam atau tahfiz dikecualikan. Kata kunci carian dan pemetaan tema berpaksikan istilah pementoran, tahfiz, hifz al-Quran, talaqqi, musyafahah, digital learning dan student development.

Analisis dokumen merujuk kepada teknik pengumpulan data melalui penelitian sistematik terhadap bahan bertulis yang diterbitkan (Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali, 2020). Pemilihan sumber dibuat berdasarkan beberapa kriteria, iaitu dokumen yang membincangkan secara langsung peranan mentor, pelaksanaan pementoran, impak terhadap pelajar atau cabaran dalam pendidikan tahfiz, serta diterbitkan dalam saluran akademik yang mempunyai kredibiliti. Kajian turut mengambil kira sumber klasik dan kontemporari, termasuk perbincangan berkaitan kaedah talaqqi dan musyafahah dalam tradisi pendidikan Islam (Abu Al-Fida', 2008), bagi membolehkan sintesis dibuat antara pendekatan tradisional dan wacana pementoran dalam pendidikan moden.

Dalam kajian ini, analisis kandungan digunakan sebagai teknik analitik utama untuk menghuraikan maklumat yang wujud secara sistematik dalam teks (Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali, 2020). Proses analisis dilaksanakan secara berperingkat, bermula dengan pembacaan berulang terhadap dokumen untuk memahami konteks dan kandungan, diikuti dengan pengkodan awal bagi mengenal pasti tema-tema berkaitan impak pementoran terhadap motivasi, hafazan dan pembentukan sahsiah, serta cabaran pelaksanaannya dalam pendidikan tahfiz. Tema-tema tersebut kemudiannya dikelompokkan dan dibandingkan merentas sumber bagi mengenal pasti pola persamaan dan perbezaan dapatan. Pendekatan induktif digunakan untuk membolehkan tema muncul secara terbuka daripada literatur, manakala pendekatan deduktif digunakan bagi menilai dapatan tersebut berdasarkan kerangka konseptual pementoran

dan pendidikan tahfiz yang telah dihuraikan dalam sorotan literatur. Gabungan kedua-dua pendekatan ini membolehkan analisis dilakukan secara eksploratif dan berstruktur, sekali gus mengurangkan risiko tafsiran subjektif semata-mata.

Bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan, kajian ini menggunakan strategi triangulasi sumber dengan membandingkan dapatan daripada pelbagai jenis literatur seperti artikel jurnal, tesis dan laporan penyelidikan. Perbandingan silang tema turut dilakukan bagi memastikan konsistensi dapatan sebelum dirumuskan dalam bentuk sintesis analitik. Penjelasan tentang perbezaan antara analisis dokumen sebagai kaedah pengumpulan bahan dan analisis kandungan sebagai teknik analitik utama diberikan secara jelas bagi memastikan ketelusan metodologi dan memudahkan pembaca menilai tahap ketelitian kajian.

#### **4. IMPAK MENTORING DALAM PENGAJARAN HIFZ AL-QURAN**

Mentoring dalam pendidikan hifz al-Quran merupakan satu mekanisme bimbingan terancang yang mengintegrasikan pencapaian akademik dengan pembangunan sahsiah dan spiritual. Dalam konteks maahad tahfiz di Malaysia, peranan mentor yang lazimnya diisi oleh guru atau murabbi bukan sekadar memantau hafazan, tetapi membentuk disiplin, emosi dan jati diri pelajar secara berterusan. Literatur menunjukkan bahawa pelaksanaan mentoring memberi impak multidimensi terhadap pelajar tahfiz, khususnya dari segi motivasi, ketepatan hafazan, pembentukan akhlak, keseimbangan psikososial dan pembangunan kepimpinan. Implikasi ini menjelaskan bahawa mentoring bukan elemen sampingan, sebaliknya berperanan sebagai ekosistem sokongan yang menentukan kestabilan proses hafazan serta kelestarian pencapaian pelajar dalam jangka panjang. Tema-tema impak yang dihuraikan merupakan hasil sintesis tematik daripada literatur yang dianalisis, dan tidak harus ditafsir sebagai dapatan empirikal kajian lapangan.

##### **4.1 Peningkatan Motivasi dan Keyakinan Diri**

Bimbingan berterusan daripada mentor meningkatkan motivasi dalaman pelajar dalam mencapai sasaran hafazan, terutamanya dalam fasa awal pembinaan rutin hafazan yang biasanya paling mencabar. Mohd Jamalil (2016) menunjukkan bahawa sokongan mentor membantu pelajar mengurus tekanan hafazan dan membina keyakinan terhadap kemampuan diri. Dalam konteks tahfiz, tekanan bukan hanya berpunca daripada jumlah hafazan, tetapi juga daripada tuntutan ketepatan bacaan, konsistensi murajaah, dan jangkaan pencapaian yang tinggi. Justeru, peranan mentor dalam memberi dorongan, memecahkan sasaran kepada matlamat kecil yang realistik, serta memantau kemajuan secara dekat menjadi faktor yang memperkukuh "*self-efficacy*" pelajar.

Martins et al. (2023) turut mendapati bahawa pementoran berkumpulan yang berstruktur meningkatkan penglibatan pelajar, pengawalan diri dan kejelasan matlamat pembelajaran. Dapatan ini penting kerana pelajar tahfiz memerlukan kemampuan mengawal diri dan mengurus jadual pembelajaran yang padat. Mentoring yang tersusun membantu pelajar membina disiplin dalaman melalui pemantauan, peneguhan positif dan akauntabiliti, sekali gus mengurangkan kecenderungan penurunan motivasi apabila berhadapan episod "plateau" hafazan.

Dalam pendidikan tahfiz yang menuntut konsistensi tinggi, motivasi bukan sekadar faktor sokongan, tetapi asas kepada ketahanan mental. Mentor yang memahami cabaran individu pelajar mampu menyesuaikan strategi bimbingan secara lebih realistik dan berfokus, misalnya melalui pendekatan

motivasi berperingkat, peneguhan spiritual, serta bimbingan emosi ketika pelajar mengalami kegagalan semakan. Ini mengurangkan risiko keletihan hafazan dan meningkatkan kesediaan pelajar untuk terus bertahan dalam ekosistem pembelajaran yang intensif.

## **4.2 Peningkatan Kemahiran Hafalan dan Prestasi Akademik**

Pelaksanaan mentoring melalui kaedah talaqqi dan musyafahah memperkukuh ketepatan bacaan dan daya ingatan pelajar melalui semakan langsung serta pembedahan segera. Sabri Mohamad (2016) menjelaskan bahawa pengulangan bacaan di hadapan guru meningkatkan ketahanan memori dan memperbaiki kesalahan secara langsung. Dalam pendidikan tahfiz, ketepatan bukan sekadar isu teknikal, tetapi berkait dengan integriti hafazan, adab ilmu dan autoriti bacaan. Justeru, fungsi mentor bukan sahaja mengesahkan hafazan, tetapi memastikan proses penguasaan berlaku mengikut piawaian tajwid, kelancaran dan konsistensi yang dituntut oleh institusi tahfiz.

Pendekatan talaqqi dan musyafahah juga membentuk disiplin akademik kerana pelajar dilatih mengurus masa hafazan, murajaah, dan tasmik dalam jadual yang stabil. Selain meningkatkan kualiti hafazan, proses pemantauan berterusan melatih pelajar membina rutin pembelajaran yang tersusun, termasuk strategi pengulangan berkala, penetapan sasaran harian dan refleksi kesalahan yang berulang. Ini menjadikan mentoring sebagai kerangka pedagogi yang “regulative” iaitu membantu pelajar menstruktur pembelajaran dan mengurangkan pembelajaran secara rawak atau bergantung kepada mood semata-mata.

Justeru, mentoring dalam tahfiz berfungsi sebagai ekosistem pedagogi berstruktur yang membina kemahiran akademik secara menyeluruh. Ia membentuk “learning discipline” yang menjadi prasyarat kepada kejayaan hafazan, dan pada masa yang sama mengasah kemahiran kognitif seperti fokus, ketekunan serta keupayaan mengekalkan pembelajaran jangka panjang.

## **4.3 Pembentukan Akhlak dan Sahsiah**

Dalam tradisi pendidikan Islam, hubungan guru dan murid bersifat tarbawi, iaitu proses pembentukan manusia melalui contoh, disiplin dan interaksi berterusan. Al-Banna (1978) menegaskan bahawa halaqah membentuk adab dan disiplin melalui interaksi berterusan. Dalam konteks maahad tahfiz, unsur mentoring sering terjelma melalui rutin kehidupan pelajar bersama guru, termasuk cara menuntut ilmu, adab terhadap al-Quran, akhlak harian, serta disiplin ibadah. Mentor dalam hal ini bukan sekadar evaluator hafazan, tetapi menjadi “role model” yang menggerakkan pembentukan nilai melalui amalan yang diteladani, bukan sekadar teori.

Sulhan (2022) menunjukkan bahawa pementoran dalam institusi pendidikan Islam menyumbang kepada pembangunan sahsiah pelajar serta memperkukuh profesionalisme guru. Ini bermakna mentoring mempunyai impak dua hala: pelajar dibentuk dari segi nilai dan tingkah laku, manakala guru diperkukuh dari segi pendekatan tarbiah dan profesionalisme bimbingan. Implikasi pentingnya ialah kejayaan tahfiz tidak boleh dibaca semata-mata melalui jumlah juzuk, tetapi juga melalui kualiti peribadi pelajar sebagai produk pendidikan Islam.

Hal ini membuktikan bahawa impak mentoring melangkaui pencapaian hafazan, merangkumi pembinaan nilai dan keperibadian secara holistik. Dalam konteks kontemporari yang mencabar ketahanan moral remaja, mentoring menjadi tapak tarbiah yang menghubungkan hafazan dengan adab, serta membina

identiti pelajar sebagai insan berilmu dan berakhlak.

#### **4.4 Pengurangan Tekanan Pembelajaran**

Hafazan al-Quran yang memerlukan pengulangan intensif berpotensi menimbulkan tekanan, utamanya apabila pelajar berhadapan kegagalan semakan, sasaran yang tinggi atau kekangan masa. Hubungan mentor–mentee yang erat menyediakan ruang sokongan emosi yang membantu pelajar mengekalkan kestabilan psikologi. Eller et al. (2014) menegaskan bahawa sokongan mentor berupaya mengurangkan tekanan akademik melalui pendekatan bimbingan yang realistik dan berstruktur. Dalam konteks tahfiz, bimbingan yang realistik bukan bermaksud merendahkan standard, tetapi membantu pelajar mengurus beban dengan strategi yang lebih tersusun seperti pembahagian sasaran, penjadualan murajaah, serta intervensi apabila pelajar menunjukkan simptom keletihan mental.

Selain itu, mentoring juga berfungsi sebagai mekanisme “early detection” iaitu pengesanan awal terhadap isu emosi seperti anxiety, hilang fokus, burnout atau konflik sosial yang boleh menjejaskan hafazan. Apabila mentor memiliki hubungan yang dekat, pelajar lebih selesa berkongsi cabaran, seterusnya membolehkan mentor memberi sokongan yang lebih tepat, sama ada dalam bentuk kaunseling ringkas, bimbingan rohani atau penyesuaian strategi hafazan.

Dalam pendidikan tahfiz, mentoring menyediakan keseimbangan antara tuntutan hafazan dan kesejahteraan mental, sekali gus meningkatkan konsistensi pembelajaran jangka panjang. Ini penting kerana hafazan yang berkualiti memerlukan kestabilan emosi, dan kestabilan emosi pula sering dipengaruhi oleh sejauh mana pelajar merasakan dirinya disokong, difahami dan dipandu.

#### **4.5 Pembangunan Kemahiran Sosial dan Kepimpinan**

Mentoring turut menyumbang kepada pembangunan kemahiran interpersonal dan kepimpinan pelajar, khususnya apabila pelajar berfungsi dalam struktur halaqah, tasmik berkumpulan atau peranan naqib kecil. Little (2010) menjelaskan bahawa pementoran membangunkan potensi individu melalui tanggungjawab dan penglibatan aktif. Dalam konteks tahfiz, tanggungjawab bukan sahaja berkaitan hafazan sendiri, tetapi juga sokongan terhadap rakan sebaya, budaya saling menegur bacaan, serta penglibatan dalam disiplin komuniti pembelajaran.

Dalam sesi halaqah dan tasmik berkumpulan, pelajar berpeluang memimpin bacaan serta berinteraksi secara kolaboratif. Proses ini melatih kemahiran komunikasi, kawalan emosi, toleransi dan keupayaan memberi maklum balas secara beradab. Ini merupakan kemahiran sosial yang penting kerana pelajar tahfiz sering dilihat sebagai bakal imam, guru atau pemimpin masyarakat yang memerlukan kecekapan interpersonal.

Penglibatan ini membentuk keyakinan komunikasi dan kemahiran kepimpinan asas, menjadikan pelajar tahfiz bukan sekadar penghafaz, tetapi individu yang mampu berperanan dalam komuniti. Impak ini memperkukuh hujah bahawa mentoring dalam tahfiz memberi nilai tambah yang relevan dengan keperluan pembangunan insan kontemporari.

#### **4.6 Penilaian Kendiri dan Peningkatan Adaptasi Pembelajaran Fleksibel**

Proses mentoring turut menggalakkan penilaian sendiri dalam kalangan pelajar, khususnya dalam menilai kemajuan hafazan, mengenal pasti kelemahan bacaan, dan merancang strategi penambahbaikan.

Josephine anak Guntol dan Faridah Mydin Kutty (2020) menunjukkan bahawa program mentoring meningkatkan konsep sendiri dan kesedaran terhadap kekuatan serta kelemahan pembelajaran. Dalam konteks tahfiz, konsep sendiri yang positif memberi kesan langsung kepada daya tahan pelajar kerana mereka lebih cenderung melihat cabaran hafazan sebagai ruang penambahbaikan, bukan kegagalan mutlak.

Guerreiro (2025) mendapati bahawa pementoran rakan sebaya secara berstruktur memperkukuh refleksi sendiri dan akauntabiliti akademik. Ini amat selari dengan budaya tahfiz yang menekankan murajaah dan semakan berulang, kerana refleksi sendiri membantu pelajar mengenal pasti pola kesalahan yang berulang dan memperbaikinya secara konsisten. Selain itu, akauntabiliti rakan sebaya juga memperkukuh disiplin komuniti pembelajaran, yang menjadikan pelajar lebih bertanggungjawab terhadap sasaran yang telah ditetapkan.

Melalui maklum balas berterusan daripada mentor, pelajar lebih berdisiplin dalam menetapkan sasaran hafazan dan menilai kemajuan secara berkala. Ini memperkukuh adaptasi pembelajaran dalam persekitaran yang berubah, termasuk situasi pembelajaran fleksibel yang memerlukan pelajar lebih berdikari. Dengan kata lain, mentoring bukan sahaja membimbing pelajar “apa yang perlu dibuat”, tetapi melatih mereka “bagaimana menilai dan mengurus pembelajaran sendiri”, suatu keupayaan penting untuk kelestarian hafazan dalam jangka panjang.

#### **4.7 Penglibatan Aktif dan Pembelajaran Kolaboratif**

Dalam konteks pelajar tahfiz, penglibatan aktif dalam komuniti pembelajaran merupakan komponen penting yang memperkukuh keberkesanan mentoring. Program pementoran di maahad tahfiz bukan sekadar memastikan pencapaian hafazan secara individu, tetapi membentuk ekosistem pembelajaran kolektif yang berasaskan tanggungjawab bersama, disiplin komuniti dan budaya saling menyokong. Melalui struktur halaqah dan tasmik berkumpulan, pelajar didedahkan kepada pengalaman pembelajaran yang bersifat interaktif dan reflektif.

Che Wan Ida Rahimah (2018) menegaskan bahawa pembelajaran kolaboratif merupakan asas kepada pembangunan insan yang holistik kerana ia menggabungkan dimensi kognitif, sosial dan emosi secara serentak. Dalam konteks tahfiz, kolaborasi ini berlaku secara organik melalui halaqah, perbincangan bacaan dan semakan rakan sebaya di bawah pemantauan mentor. Halaqah bukan sekadar ruang pengulangan hafazan, tetapi platform pembinaan budaya ilmu, di mana pelajar belajar mengenal pasti kesilapan, memberi maklum balas secara beradab dan memperkukuh daya ingatan melalui pemerhatian terhadap bacaan rakan.

Pendekatan ini menjadikan proses hafazan bersifat dinamik dan bukan bersendirian. Pelajar yang terlibat secara aktif dalam komuniti pembelajaran menunjukkan tahap akauntabiliti yang lebih tinggi terhadap hafazan mereka kerana wujud elemen saling memerhati dan saling memperbaiki. Selain itu, budaya kolaboratif turut menyuburkan ukhuwwah dan rasa kepunyaan terhadap institusi, yang secara tidak langsung meningkatkan komitmen terhadap disiplin hafazan.

Lebih signifikan, pembelajaran kolaboratif dalam mentoring tahfiz memperlihatkan bahawa proses bimbingan tidak terhad kepada hubungan satu hala antara guru dan pelajar, tetapi turut berlaku dalam dimensi rakan sebaya. Ini memperkukuh struktur sokongan sosial pelajar, terutamanya ketika berhadapan tekanan hafazan. Justeru, mentoring dalam pendidikan hifz al-Quran dapat difahami sebagai satu sistem

bimbingan berlapis yang merangkumi mentor formal dan jaringan sokongan rakan sebaya.

Walau bagaimanapun, keberkesanan pembelajaran kolaboratif ini tetap bergantung kepada keupayaan mentor menyusun struktur halaqah secara sistematik serta memastikan disiplin dan adab dikekalkan. Dalam konteks cabaran digital masa kini, bentuk kolaborasi ini memerlukan penyesuaian agar interaksi bermakna dan budaya ilmu tidak terhakis dalam persekitaran maya. Oleh itu, pengintegrasian nilai tradisional mentoring dengan pendekatan digital yang tersusun menjadi keperluan strategik untuk mengekalkan impak pembelajaran kolaboratif dalam pendidikan tahfiz kontemporari.

Secara keseluruhannya, impak mentoring dalam pengajaran hifz al-Quran dapat difahami sebagai satu model pembangunan berlapis yang bergerak daripada pengukuhan dalaman individu kepada pembentukan struktur komuniti pembelajaran yang mapan. Pada peringkat asas, mentoring membina motivasi, keyakinan diri dan kestabilan emosi pelajar sebagai prasyarat kepada konsistensi hafazan. Seterusnya, melalui pemantauan talaqqi dan musyafahah yang berdisiplin, ia memperkukuh ketepatan hafazan serta membentuk disiplin akademik yang tersusun. Dalam masa yang sama, hubungan tarbawi antara mentor dan mentee menyumbang kepada pembentukan akhlak, sahsiah dan identiti keilmuan yang berteraskan adab.

Dimensi ini kemudian berkembang kepada tahap sosial, apabila pelajar terlibat dalam halaqah dan pembelajaran kolaboratif yang membina akauntabiliti bersama, kemahiran komunikasi dan kepimpinan asas. Melalui maklum balas berterusan dan amalan penilaian sendiri, pelajar turut dilatih menjadi pembelajar reflektif yang mampu menyesuaikan strategi hafazan dalam persekitaran yang berubah. Dengan demikian, mentoring dalam pendidikan tahfiz tidak boleh dilihat sekadar sebagai teknik sokongan pengajaran, tetapi sebagai satu ekosistem pedagogi holistik yang mengintegrasikan aspek kognitif, afektif, spiritual dan sosial secara serentak. Model ini memperlihatkan bahawa keberkesanan hafazan bukan hasil usaha individu semata-mata, tetapi terhasil daripada jaringan bimbingan yang sistematik, berstruktur dan berorientasikan pembangunan insan secara menyeluruh.

## **5. CABARAN DALAM PELAKSANAAN MENTORING DALAM ERA DIGITAL**

Walaupun mentoring dalam pendidikan hifz al-Quran menunjukkan impak yang signifikan terhadap pembangunan akademik dan sahsiah pelajar, pelaksanaannya dalam era digital memperlihatkan beberapa cabaran struktural dan pedagogi yang perlu ditangani secara serius. Peralihan daripada interaksi bersemuka kepada persekitaran maya bukan sekadar perubahan medium, tetapi melibatkan transformasi terhadap dinamika hubungan tarbawi, kaedah pemantauan hafazan serta sokongan emosi pelajar.

### **5.1 Kekurangan Kemahiran Teknologi dalam Kalangan Guru**

Salah satu cabaran utama ialah tahap literasi digital dalam kalangan guru tahfiz yang masih tidak seragam. Tradisi pengajaran tahfiz yang berasaskan talaqqi dan musyafahah menuntut interaksi langsung dan pemerhatian terperinci, menyebabkan sebahagian guru kurang terdedah kepada penggunaan platform digital sebagai medium mentoring. Keadaan ini mewujudkan jurang kompetensi yang menjejaskan keyakinan guru dalam mengintegrasikan teknologi secara efektif.

Che Wan Ida Rahimah (2018) menunjukkan bahawa pembelajaran kolaboratif berpotensi meningkatkan kecekapan penggunaan teknologi, namun keberkesanannya bergantung kepada latihan berterusan dan

sokongan institusi. Mustakim (2023) turut mendapati bahawa walaupun terdapat kesedaran tentang kepentingan media digital dalam pendidikan Islam, kekangan kemahiran teknikal dan pedagogi masih membatasi keberkesanan pelaksanaannya. Situasi ini menunjukkan bahawa transformasi digital dalam mentoring tahfiz memerlukan pembangunan kapasiti guru secara sistematik, bukan sekadar penyediaan platform teknologi.

## **5.2 Jurang Digital dalam Akses Teknologi**

Cabaran kedua berkaitan ketidaksamaan akses kepada peranti dan capaian internet. Jurang digital menyebabkan pelaksanaan mentoring secara maya tidak berlaku secara adil dan konsisten dalam kalangan pelajar. Pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah berdepan kesukaran mendapatkan peranti dan sambungan internet yang stabil, sekali gus menjejaskan penglibatan aktif dalam sesi tasmik atau halaqah dalam talian. A. Devisakti et al. (2023) menunjukkan bahawa pelajar dalam kategori B40 mengalami kekangan signifikan dari segi akses teknologi, yang memberi kesan langsung kepada keberkesanan pembelajaran digital. Dalam konteks tahfiz, ketidakteraturan ini bukan sahaja menjejaskan pencapaian hafazan, tetapi turut memberi implikasi terhadap motivasi dan rasa kebersamaan dalam komuniti pembelajaran.

## **5.3 Kesukaran dalam Pengawasan dan Pemantauan Hafazan Secara Langsung**

Hafazan al-Quran menuntut ketepatan sebutan, makhraj dan tajwid yang hanya dapat dipastikan melalui pemantauan rapi. Dalam persekitaran digital, gangguan teknikal seperti audio yang tidak jelas atau sambungan internet yang tidak stabil boleh menjejaskan kualiti pemantauan. Surtahman et al. (2023) menegaskan bahawa interaksi langsung antara guru dan pelajar memainkan peranan penting dalam membentuk disiplin dan tingkah laku, yang sukar direplikasi sepenuhnya melalui platform maya. Keadaan ini menunjukkan bahawa mentoring digital dalam pendidikan tahfiz memerlukan adaptasi pedagogi yang lebih terancang bagi memastikan standard hafazan kekal terpelihara tanpa mengorbankan ketepatan tradisi talaqqi.

## **5.4 Gangguan Persekitaran Pembelajaran di Rumah**

Persekitaran rumah yang kurang kondusif turut menjadi cabaran dalam pelaksanaan mentoring digital. Tidak semua pelajar mempunyai ruang pembelajaran yang tenang dan tersusun. Gangguan daripada ahli keluarga atau penggunaan media sosial boleh menjejaskan tumpuan dan konsistensi hafazan. Syahraini et al. (2020) mendapati bahawa sokongan persekitaran yang kondusif memainkan peranan penting dalam memastikan penglibatan pelajar. Eller et al. (2014) turut menekankan bahawa faktor persekitaran mempengaruhi kesejahteraan psikologi pelajar dalam pembelajaran dalam talian. Dalam konteks tahfiz, gangguan ini bukan sahaja memberi kesan kepada prestasi hafazan, tetapi juga kepada kestabilan emosi pelajar yang memerlukan suasana disiplin dan fokus tinggi.

## **5.5 Kekurangan Modul Mentoring Digital yang Sesuai**

Kekurangan modul pembelajaran yang disesuaikan untuk mentoring digital juga menjadi satu cabaran utama. Modul digital yang sedia ada masih belum cukup berkembang dan sering kali tidak mengambil kira keperluan khusus pembelajaran tahfiz yang memerlukan pengulangan dan pengawasan secara konsisten.

Hal ini menyebabkan guru tahfiz terpaksa merujuk kepada kaedah tradisional yang kurang sesuai untuk persekitaran digital. Oleh itu, penting untuk membangunkan modul pembelajaran digital yang memenuhi keperluan khusus pendidikan tahfiz, yang boleh dijadikan rujukan oleh guru tahfiz. Modul pengajaran yang berkesan perlu disesuaikan dengan konteks pembelajaran untuk mencapai keberkesanan yang optimum. Hal ini seperti yang ditegaskan oleh Ummu Umairah dan Kamarul Syafiq yang menekankan keperluan pembangunan aplikasi digital yang khusus untuk pembelajaran hafazan al-Quran, yang dapat memenuhi keperluan unik pendidikan tahfiz (Ismail, S, et.al, 2023).

### **5.6 Kekurangan Interaksi Fizikal dan Keakraban Hubungan**

Hubungan mentor–mentee dalam pendidikan tahfiz bersifat rohani dan berterusan. Interaksi fizikal memainkan peranan penting dalam membina kepercayaan, adab dan motivasi intrinsik. Hambali et al. (2024) menunjukkan bahawa hubungan yang rapat antara mentor dan mentee merupakan faktor utama keberkesanan program mentoring dalam pendidikan Islam. Dalam persekitaran maya, elemen keakraban ini sukar dicapai secara optimum. Kekurangan sentuhan interpersonal berpotensi melemahkan dimensi tarbawi yang menjadi asas kepada pendidikan tahfiz.

### **5.7 Kesukaran Mengintegrasikan Teknologi dengan Nilai Agama**

Penggunaan teknologi dalam pendidikan al-Quran perlu dikawal selia agar tidak bercanggah dengan nilai dan etika Islam. Manal Hendawi (2024) menegaskan bahawa integrasi literasi digital dalam pendidikan Islam memerlukan pendekatan berhati-hati bagi memastikan keselarasan dengan prinsip agama. Risiko pendedahan kepada kandungan tidak sesuai atau gangguan digital menimbulkan dilema pedagogi yang memerlukan garis panduan jelas. Ini menunjukkan bahawa transformasi digital dalam mentoring tahfiz bukan sekadar isu teknikal, tetapi melibatkan pertimbangan nilai dan etika.

### **5.8 Sokongan Keluarga yang Terhad**

Dalam konteks pembelajaran dalam talian, peranan keluarga menjadi lebih signifikan. Namun, tidak semua keluarga mempunyai keupayaan untuk menyediakan sokongan yang mencukupi. Fathiyyah et al. (2023) mendapati bahawa sokongan keluarga yang kukuh mempengaruhi tahap penglibatan pelajar dalam pembelajaran tahfiz secara digital. Keterbatasan ini menambah cabaran kepada mentor yang perlu menampung kekurangan sokongan luar institusi. Secara konseptual, cabaran yang dihipunkan boleh dibaca dalam tiga gugus iaitu gangguan terhadap hubungan tarbawi dan pedagogi talaqqi, ketidaksamaan akses serta literasi digital, dan ketegangan integrasi teknologi dengan nilai serta etika Islam.

Secara keseluruhan, cabaran pelaksanaan mentoring dalam era digital memperlihatkan bahawa transformasi teknologi dalam pendidikan tahfiz bukan sekadar isu adaptasi platform, tetapi melibatkan tiga dimensi utama iaitu kompetensi pedagogi guru, kesaksamaan akses pelajar, dan pemeliharaan nilai tarbawi. Tanpa pengukuhan ketiga-tiga dimensi ini secara serentak, keberkesanan mentoring berpotensi terjejas walaupun teknologi tersedia. Oleh itu, pendekatan integratif yang menggabungkan latihan guru, pembangunan modul digital berasaskan tradisi talaqqi serta sokongan komuniti dan keluarga merupakan keperluan strategik bagi memastikan mentoring dalam pendidikan hifz al-Quran kekal relevan dan berkesan dalam konteks digital kontemporari.

## **6. KESIMPULAN**

Kajian ini merumuskan bahawa mentoring dalam pendidikan hifz al-Quran merupakan mekanisme pedagogi holistik yang mengintegrasikan hafazan, pembinaan sahsiah, motivasi, keseimbangan psikososial dan pembangunan kepimpinan pelajar. Melalui sintesis literatur dan analisis dokumen, hubungan mentor-mentee yang berstruktur dan berterusan didapati memperkukuh disiplin hafazan, membina efikasi sendiri serta membentuk akhlak secara tarbawi. Pementoran dalam pendidikan tahfiz, justeru, berfungsi sebagai teras ekosistem tarbiah yang menentukan kelestarian pencapaian hafazan secara menyeluruh.

Namun demikian, model mentoring tradisional berdepan cabaran signifikan dalam era digital, khususnya berkaitan jurang akses teknologi, kompetensi pedagogi digital guru dan keterbatasan interaksi fizikal. Ketegangan antara tradisi talaqqi bersemuka dan adaptasi pembelajaran maya menuntut pendekatan yang lebih sistematik, berasaskan teori dan selari dengan nilai pendidikan Islam, bukan sekadar penyesuaian teknikal terhadap medium pengajaran.

Dari sudut sumbangan ilmiah, kajian ini menegaskan bahawa mentoring tahfiz perlu difahami sebagai kerangka pedagogi bersepadu yang menghubungkan motivasi pelajar, hubungan tarbawi dan struktur pembelajaran yang adaptif terhadap perubahan digital. Secara ilmiah, sorotan ini menyediakan pemetaan tema impak-cabaran yang boleh menjadi premis pembinaan instrumen, indikator model pementoran tahfiz dan kerangka kajian lapangan bagi menguji dinamika hubungan mentor-mentee dalam konteks digital. Oleh itu, pengukuhan latihan pedagogi digital guru, pembangunan modul mentoring khusus tahfiz serta pengintegrasian sokongan keluarga dan institusi perlu digerakkan secara strategik dan berasaskan dapatan.

Secara reflektif, masa depan pendidikan tahfiz tidak ditentukan oleh sejauh mana teknologi menggantikan talaqqi, tetapi oleh keupayaan ekosistem pementoran mengekalkan roh tarbiah sambil memodenkan pedagoginya secara berdisiplin dan berprinsip.

## RUJUKAN

- Abu Al-Fida'. (2008). *Sejarah dan Kepentingan Hifz al-Quran*. Dar al-Kutub.
- Ahmad Munawar Ismail, & Mohd Nor Shahizan Ali. (2020). *Mengenal Kuantitatif & Kualitatif dalam Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi, Selangor: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Banna. (1978). *Konsep Pembaruan Masyarakat Islam*. Jakarta: Media Da'wah.
- Al-Buti. (2004). *Fiqh al-Sirah al-Nabawiyah Ma'a Mujiz Li Tarikh al-Khilafah al-Rasyidah* (Edisi ke-14). Mesir: Dar al-Salam.
- Al-Qabisi. (1955). *Ar-Risalah al-Mufassolah Li Ahwal al-Muallimin wal-Mutaallimin*. Kaherah: Dar Ehya' al-Kutub al-Arabiyyah.
- Azman Ismail, Nik Ghazali Nik Daud, Aveeleena Afzan Hassan, & Michael Kho Khian Jui. (2010). Relationship between mentoring program characteristics and mentees' career: A study in a Malaysian public university. *The Romanian Economic Journal*, 38, 27–56.
- Che Wan Ida Rahimah. (2018). Pembelajaran kolaboratif di kolej siswa: Pemangkin pembangunan kemandirian insan holistik. Dalam *Prosiding Konvensyen Kepengetuaan dan Felo Penghuni Kolej Kediaman Universiti Awam Kebangsaan 2018 Kolej Akademik, Pembangunan dan Pengurusan Aktiviti Pelajar*, 435.

- Devisakti A, Muftahu M, Xiaoling H. Digital divide among B40 students in Malaysian higher education institutions. *Educ Inf Technol (Dordr)*. 2023 May 24:1-27.
- Eller, S. L., Lev, L. E., & Feurer, A. (2014). Key components of an effective mentoring relationship: A qualitative study. *Nurse Education Today*, 32, 815–820.
- Fathiyah, M. F., Ayub, A. F. M., Che Hassan, N., Abd Mutalib, L., & Wan Jaafar, W. M. W. (2023). Student learning engagement of Malaysian *tahfiz* students: A qualitative study. *Akademika*, 93(3), 3–11.
- Glenn Martin. (2006). *Coaching and Mentoring*. Dalam *Australian Master Human Resource Guide* (Edisi ke-4, Bab 44).
- Guerreiro, M., & de Jesus, S. N. (2025). The role of peer mentoring program elements in promoting academic success and preventing student dropout in higher education: a systematic literature review. *Journal of Further and Higher Education*, 1–17.
- Hambali, K., Kamis, M. S., Lubis, M. A. L. A., & Abdul Razak, K. A. (2024). Pilot study on Islamic education teachers' perspectives on mentoring practices by the head of the Islamic education panel and their impact on teacher quality. *Pakistan Journal of Life and Social Sciences*, 22(2), 9084–9095.
- Hendawi, Manal, and Saba Qadhi. 2024. “Digital Literacy-Based Learning in Islamic Education”. *Ar-Fachriddin: Journal of Islamic Education* 1 (1): 45-58.
- Ismail, N., & Makhsin, M. (2023). The Impact of the Islamic Peer Mentoring Module on Student Religious Personality in Higher Education. *Journal of Higher Education Theory and Practice*, 23(9).
- Ismail, S., Mustafa, N. M., Shaharuddin, S. A., Yahaya, M., Razali, K. S., & Sapiuddin, U. U. (2023). Pre-school Qur'an memorization digital application requirements. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 12(2), 2579-2589.
- Josephine Anak Guntol, & Faridah Mydin Kutty. (2020). Program mentor-mentee dalam meningkatkan konsep sendiri pelajar sekolah menengah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(2), 97–109.
- Little, C. A., Kearney, K. L., & Britner, P. A. (2010). Students' self-concept and perceptions of mentoring relationships in a summer mentorship program for talented adolescents. *Roeper Review*, 32, 189–199.
- Martins, J., Rosário, P., Cunha, J., Núñez, J. C., Vallejo, G., & Moreira, T. (2023). How to help students in their transition to middle school? Effectiveness of a school-based group mentoring program promoting students' engagement, self-regulation, and goal setting. *Contemporary Educational Psychology*, 76,
- Mohd Jamalil. (2016). *Strategi Kecemerlangan Maahad Tahfiz Negeri Pahang (MTNP) dalam Memperkasakan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri di Malaysia*. Bangi: UKM.
- Murphey, M., et al. (2001). *The Role of Memorization in Islamic Education*. Oxford University Press.
- Mustakim, S. A. M., Zulkifli, H., & Tamuri, A. H. (2023). The level of knowledge and skill of teachers of Islamic education regarding the use of social media in teaching and learning. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 12(3), 2040-2050
- Rinfret, S. R., Young, S. L., & McDonald, B. D. (2023). The importance of mentorship in higher education: An introduction to the symposium. *Journal of Public Affairs Education*, 29(4), 398–403.
- Sabitha, M. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Pearson Prentice Hall.
- Sabri Mohamad, Azmil Hashim, & Hamdi Ishak. (2016). Pembangunan kurikulum pendidikan tahfiz: Prinsip dan kaedah dalam membina kurikulum tahfiz al-Quran. Dalam Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff & Nordin Ahmad (Pnyt.), *Memperkasakan Generasi Penghafaz al-Quran* Kuala Kubu Bharu: Darul Quran JAKIM, 145–153

- Sugiyono. (2009). *Metode Penelitian Kuantitatif, Kualitatif dan R&D*. Bandung: Alfabeta Arikunto.
- Sulhan, A. (2022). Impact of peer mentoring strategy on Islamic elementary teachers' professional development. *Al-Ishlah: Jurnal Pendidikan*, 14(1), 217–224.
- Surtahman, A. W., Rohana, N. A. M., Raffar, I. N. A. Zur, Abidin, M. H. Z., & Hasan, A. D. (2023). Tahfiz Education in Forming Adolescent Behavior in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 12(1), 918–926
- Syahraini Tambak, M Yusuf Ahmad & Desi Sukenti. 2020. Strengthening emotional intelligence in developing the Madrasah teachers' professionalism. *Akademika* 90(2): 27-38
- Zaiton Hassan, Masniah Marzuki, & Zuraidah Abdul Rahman. (2003). *Pengenalan Mentoring di Institusi Pengajian Tinggi*. Universiti Malaysia Sarawak.



© 2026 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY-NC-ND) license (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).